

Majlis Pra Pelancaran Hari Pekerja 2017 dan Perkeso Run & Ride 2017

Pertubuhan Keselamatan Sosial atau PERKESO telah menganjurkan Majlis Pra Pelancaran Hari Pekerja 2017 dan Perkeso Run & Ride 2017 di Dataran DBKL, Kuala Lumpur pada 16 April 2017. Program ini telah dirasmikan oleh YB Dato' Sri Haji Ismail Bin Haji Abd. Muttalib, Timbalan Menteri Sumber Manusia Malaysia. Pelbagai aktiviti telah dilaksanakan pada hari tersebut termasuklah pameran berkaitan kesihatan yang turut disertai oleh Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia (MySihat) serta pameran oleh pelbagai agensi lain selain menjalankan pelbagai aktiviti fizikal untuk orang awam pada hari tersebut.







